

# Perpaduan masa depan

U.M. 31 AUG 1993

**K**UALA LUMPUR 30 Ogos — Malaysia akan lebih mampu bersaing dan mempertahankan kemerdekaan negara setelah menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sekiranya Malaysia berjaya dalam usaha ini, maruah bangsa, kedaulatan negara juga akan terpelihara, bebas daripada sebarang tekanan luar malah rakyat akan dapat hidup dengan lebih bahagia.

"Justeru itu bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, semua rakyat berbilang kaum perlu bersatu hati dan tenaga kerana hanya dengan bersatupadu sahaja kita dapat menentukan tidak ada pihak boleh menggagalkan hasrat negara untuk menjadi sebuah negara maju yang bebas," katanya dalam Perutusan Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia ingin menjadi negara maju yang boleh menguasai segala kecekapan pentadbiran, dagangan, ilmu dan industri di tahap yang sama tinggi dengan negara yang sudah maju, tetapi mahu terus kekal dengan nilai-nilai murni dan acara hidup mulia menjelang tahun 2020.

Dengan kemajuan itu, kata Perdana Menteri, Malaysia akan lebih mampu bersaing serta mempertahankan kemerdekaan, maruah bangsa dan kedaulatan negara.

Katanya, rakyat Malaysia boleh bersyukur dan berbangga kerana Malaysia adalah antara sebilangan kecil negara baru merdeka yang berjaya bukan sahaja daripada segi kestabilan politik, tetapi juga perkembangan pesat ekonomi.

Rakyat Malaysia yang berbilang kaum juga, kata beliau, patut merasa bernasib baik dan bersyukur kepada Allah kerana terhindar daripada nasib malang yang menimpa rakyat di beberapa buah negara yang telah merdeka.

"Walaupun cabaran-cabaran yang kita hadapi lebih besar kerana penduduk kita terdiri daripada berlainan kaum, agama, budaya dan bahasa, namun kita telah berjaya mengatasi cabaran-cabaran itu.

"Kita hanya perlu mengingati Peristiwa 13 Mei dan melihat Yugoslavia, Ireland Utara, Lebanon dan beberapa buah negara majmuk lain untuk menginsafi dan bersyukur akan nasib baik kita," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, akibat ketidakstabilan

■Lihat muka 2

Kunci  
- PM

## Perpaduan kunci masa depan — PM

**U.M. 31 AUG 1993**  
dan rusuhan, banyak negara yang telah merdeka menjadi mundur malah ada di antaranya mengalami keadaan yang lebih teruk daripada sebelum merdeka.

Keadaan itu menurut beliau, telah menyebabkan maruah dan kedaulatan mereka sebagai sebu-

ah negara merdeka terjejas dan kemerdekaan bagi rakyat di negara tersebut tidak membawa apa-apa pengertian lagi bahkan menghampakan rakyatnya sahaja.

"Oleh itu, kita hendaklah terus mengelak daripada bersengketa sesama kita kerana sesungguhnya

nya keuntungan yang diperolehi melalui sengketa dan rusuhan adalah jauh lebih sedikit daripada bahagian yang didapati melalui agihan hasil usaha dalam keadaan aman dan makmur," katanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun dunia telah mengalami banyak

perubahan setelah berakhirnya Perang Dingin, namun ia masih tidak menunjukkan petanda bahawa dunia akan menjadi lebih aman dan konflik semakin berkurangan.

Sebaliknya, kata beliau, beberapa buah tempat di dunia masih berlaku konflik yang lebih dahsyat.